



# UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Jabatan Pendaftar, Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori

Ruj. Kami : UMS(S)/PN2.1/P5/2  
Tarikh : 16 Oktober 2003

BEG BERKUNCI NO. 2073,  
88999 KOTA KINABALU,  
SABAH, MALAYSIA.  
Tel : 6088-320000 samb. 1417  
Faks : 6088-320243  
E-mel : [papenums@ums.edu.my](mailto:papenums@ums.edu.my)  
Laman web : <http://www.ums.edu.my>

## **PEKELILING PENDAFTAR BIL. 04/2003**

### **Edaran Seperti Dalam Lampiran**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;*

Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

### **WAKTU BEKERJA PADA BULAN RAMADAN 1424H**

Dengan hormatnya sukacita saya menarik perhatian Y. Bhg. Prof. Dato' / Datin / tuan / puan mengenai perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa sepanjang bulan Ramadan 1424H ini, waktu bekerja bagi kakitangan yang beragama Islam pada hari Isnin hingga Jumaat adalah sehingga jam 4.00 petang tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut dipatuhi; iaitu:

a.	Kakitangan telah mendapat kebenaran Dekan/Ketua Jabatan masing-masing; dan
b.	Rumah kakitangan terletak jauh daripada kampus dan mempunyai masalah untuk sampai ke rumah sebelum/pada waktu berbuka puasa.

Walau bagaimanapun, kakitangan yang dibenarkan balik pada jam 4.00 petang dikehendaki menggantikan kekurangan waktu bekerja 30 minit yang ada pada waktu rehat tengah hari. Oleh yang demikian, waktu bekerja kakitangan tersebut pada hari Isnin hingga Jumaat adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU BEKERJA	WAKTU REHAT
Isnin-Khamis	8.00 pagi-1.30 tengah hari/ 2.00 ptg - 4.00 ptg.	1.30 tengah hari-2.00 ptg
Jumaat	8.00 pagi-12.00 tengah hari/ 2.00 ptg. - 4.00 ptg.	12.00 tengah hari-2.00 ptg.
Sabtu	Tiada perubahan	

Sehubungan itu, sukacita sekiranya Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/tuan/puan dapat memaklumkan perkara ini kepada semua pegawai/kakitangan di bawah pengawasan Y. Bhg. Prof. Dato'/Datin/tuan/puan.

Sekian dimaklumkan dan diucapkan Selamat Menunaikan Ibadah Puasa.

*Wassalam.*

Yang ikhlas,



**HELA LADIN MOHD. DAHALAN**

Pendaftar

b.p. Naib Canselor

s.k.:

- Y. Bhg. Naib Canselor
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan)
- Y. Bhg. Timbalan Naib Canselor (HEP)